

1. Semakan Peruntukan Operasi Mohon untuk menyemak semula keperluan penggunaan peruntukan operasi berjumlah RM111,600. Peruntukan operasi bagi tahun 2025 yang telah diluluskan didapati tidak mencukupi untuk menampung keseluruhan perbelanjaan operasi MPC. Oleh itu, sebarang kekurangan akan ditampung melalui penggunaan rizab atau terimaan operasi.

**Maklumbalas: Keperluan peruntukan Operasi telah disemak dan dikemaskini semula.**

2. Perbelanjaan Perkhidmatan Pakar Rujuk Mohon untuk menyemak semula justifikasi perbelanjaan bagi Perkhidmatan Pakar Rujuk yang berjumlah RM192,000. Berdasarkan semakan ke atas slide sampling yang disertakan, jumlah ini sebenarnya merupakan bayaran kepada responden dengan kadar RM800 seorang. Oleh itu, perbelanjaan ini tidak boleh dikategorikan di bawah kod Perkhidmatan Pakar Rujuk. Dicadangkan agar perbelanjaan ini dikaji semula dan diletakkan di bawah kod perbelanjaan yang lebih bersesuaian bagi mengelakkan ketidakpatuhan kepada prosedur kewangan yang ditetapkan.

**Maklumbalas: EOS 2025 akan dilaksanakan secara face-to-face interview dengan jumlah sampling seramai 120 responden yang merangkumi semua negeri. Oleh itu, interview ini akan mengambil masa lebih kurang 2 jam bagi setiap responden yang merangkumi 100 soalan EOS. Pembayaran sebanyak RM192,000 ini adalah untuk menampung kos pakar rujuk /industri yang dilantik bagi sesi interview tersebut.**

**Tindakan: Jumlah SME bagi 1 sesi interview telah dikurangkan kepada seorang SME dengan jumlah keseluruhan RM96,000.**

3. Bayaran kepada Penceramah Penjawat Awam Mohon untuk memastikan bahawa bayaran kepada penceramah dalam kalangan Penjawat Awam (Borang B) tidak melebihi separuh ( $\frac{1}{2}$ ) daripada gaji pegawai yang terlibat, selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia WP 1.8. Dicadangkan agar kadar bayaran dikaji semula dan dipastikan sejajar dengan peraturan sedia ada bagi mengelakkan sebarang implikasi kewangan atau ketidakpatuhan terhadap garis panduan perbendaharaan.

**Maklumbalas: Bayaran kepada penjawat awam telah dikemaskini dan dikurangkan kepada seorang dan 3 bengkel sahaja.**

4. Keperluan Pakej Residensi Mohon untuk menilai sama ada Pakej Residensi yang dicadangkan benar-benar diperlukan atau terdapat alternatif yang lebih menjimatkan seperti pelaksanaan tanpa penginapan. Sekiranya penginapan diperlukan, perbelanjaan hendaklah menggunakan peruntukan Pembangunan, kerana peruntukan operasi hanya dibenarkan untuk aktiviti yang dijalankan di Premis MPC atau Institut Latihan Awam (ILA), selaras dengan keputusan Mesyuarat Pengarah pada 16 Januari 2025.

**Maklumbalas: Pakej Residensi ini hanya dibuat sekali sahaja dan akan melibatkan pegawai-pegawai Wilayah. Oleh itu, tidak sesuai menggunakan peruntukan Pembangunan. Sekretariat akan menghubungi juga ILA yang**

**bersesuaian (ada penginapan, berdekatan dengan masjid untuk memudahkan solat Terawikh dan dapat menyediakan hidangan bersahur dan berbuka kepada peserta serta kemudahan bengkel lain). Untuk makluman juga, program ini adalah arahan daripada KP MPC untuk dijalankan dengan kadar segera.**

5. Pengauditan Penyata Kewangan MPC Bermula tahun 2024, Jabatan Audit Negara Malaysia akan menjalankan pengauditan secara langsung terhadap Penyata Kewangan MPC dengan memberi tumpuan utama kepada aspek tata kelola. Oleh itu, pematuhan terhadap semua garis panduan kewangan perlu diberi perhatian bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam pengurusan kewangan MPC.

**Maklumbalas: Ambil maklum**

6. Penambahbaikan Mekanisme Penjimatan Perbelanjaan Mohon untuk mengkaji dan mencadangkan mekanisme alternatif yang lebih berkesan dalam mengoptimumkan perbelanjaan MPC. Sebarang inisiatif atau strategi penjimatan yang dapat meningkatkan kecekapan penggunaan sumber kewangan amat dialu-alukan. Pendekatan inovatif, seperti penggunaan teknologi atau penyusunan semula proses kerja, boleh dipertimbangkan bagi memastikan keberkesanan dalam pengurusan perbelanjaan.

**Maklumbalas: Ambil maklum**